

# Usaha lahir lebih ramai saintis, jurutera tempatan

FA-2/2/2020 m/s: 8

**Kuala Lumpur:** Hasrat Tun Dr Mahathir Mohamad mahu memperkenalkan semula bahasa Inggeris dalam pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik perlu disokong dalam usaha melahirkan lebih ramai saintis serta jurutera tempatan.

Pengerusi Kumpulan Bertindak Ibu Bapa bagi Pendidikan (PAGE), Datin Noor Azimah Abdul Rahim, berkata Malaysia memerlukan kira-kira 500,000 saintis dan jurutera untuk meningkatkan lagi ekonomi negara ke arah yang lebih baik.

"PAGE berharap matlamat Perdana Menteri dapat diterima dan tidak ada yang membangkitkan isu bantahan kerana negara me-

merlukan ramai saintis dan jurutera untuk melonjakkan ekonomi ke hadapan supaya seluruh rakyat Malaysia dapat menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik.

"Rakyat Malaysia mempunyai potensi yang hebat, kita perlu mengambil peluang ini untuk mengaut manfaat kemajuan inovasi di peringkat global. Kita tidak mampu menghadapi risiko hilang bakat yang keluar dari negara, untuk mereka mencapai kelebihan ini di luar negara," katanya.

Noor Azimah berkata, hanya melalui ilmu pengetahuan sains yang ulung, Malaysia mampu menarik lebih ramai pelabur asing untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan supaya indus-



**Noor Azimah Abdul Rahim**

tri inovasi dapat digerakkan.

Katanya, saintis dan jurutera berdaya mampu memimpin industri sekali gus melahirkan lebih ramai bakat dalam bidang pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

"Jadi, kita harus membuang sangkaan tidak yakin dan mengambil langkah berani demi masa depan anak kita dan negara.

"Cabarannya ialah supaya guru serta keseluruhan warga di Kementerian Pendidikan sehaluan dengan hasrat Perdana Menteri dan memberi sokongan serta dorongan untuk mencapai matlamat ini," katanya.

Pengerusi Keilmuan Nasional, Zambri Mohd Isa, menyifatkan pelaksanaan semula PPSMI perlu, selaras dengan kepentingan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, namun ia harus dilakukan secara berhati-hati bagi mengelakkan kegagalan dasar itu dilaksanakan pada 2003 hingga 2012.

Beliau berkata, pelaksanaan PPSMI kali ini harus ditambah baik, sekali gus tidak boleh mengulangi kesilapan dasar lampau dengan meneliti semula faktor kegagalannya.

Katanya, Kementerian Pendidikan perlu mengumpul semula maklumat berdasarkan kajian daripada pelaksanaan PPSMI terdahulu dan selesaikan masalah utama menyebabkan kegagalannya sama ada ia berpunca daripada kekurangan guru, alat bantu mengajar atau aspek kurikulumnya.

"Apabila mendengar kenyataan dari Perdana Menteri untuk kembalikan semula PPSMI, ia tidak mengejutkan kerana kita tahu dari dahulu lagi Dr Mahathir memperjuangkannya," katanya.